



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[TITLE PARTICIPANTS' VIEWS ON ACHIEVEMENTS AFTER PARTICIPATING IN
RELIGIOUS REALITY TV SHOW]**

**PANDANGAN PESERTA TENTANG PENCAPAIAN SELEPAS MENYERTA PROGRAM
REALITI TV AGAMA DI MALAYSIA**

MUHAMAD FAISAL ASHAARI¹
NABIL AHMAD¹

¹Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan
Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

*Corresponding author: faisal@ukm.edu.my

Received Date: 27 March 2022 • Accepted Date: 30 April 2022

Abstract

Religious reality TV is a reality genre that has entertainment elements in line with Islam. In Malaysia, there are religious reality TV shows organised to produce contemporary preachers who can guide the Muslim community about Islam. They were given the training to improve their skills in public speaking and other training to bring religious messages to the audience efficiently. This study aims to identify the views of religious reality TV show participants about their achievements and life direction as preachers who have the skills to convey a religious message to audiences. This qualitative study obtained data from interviews with ten informants, consisting of participants who participated in and were involved with various religious reality TV shows. The study finds that participants experienced self-change from popularity and community recognition, which in turn forced them to make changes in their life management. This study discusses the challenges they face and their long-term planning to be successful preacher.

Keywords: Reality TV show, Islamic entertainment, religious reality TV, Islamic preacher

Abstrak

Realiti TV agama merupakan sebuah genre realiti yang mempunyai elemen hiburan yang selaras dengan Islam. Di Malaysia, terdapat program realiti TV agama yang disiarkan untuk melahirkan pendakwah kontemporari yang mampu membimbing masyarakat tentang Islam. Mereka telah diberikan latihan untuk meningkatkan kemahiran dalam pengucapan awam dan latihan-latihan yang lain untuk membawa mesej agama di khalayak. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pandangan peserta program realiti TV agama tentang pencapaian dan hala tuju kehidupan sebagai pendakwah yang mempunyai kemahiran menyampaikan mesej agama di khalayak. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang mengumpulkan data menerusi kaedah temubual dengan sepuluh orang informan yang terdiri daripada peserta dari pelbagai program realiti TV agama. Dapatan kajian menemui bahawa peserta mengalami perubahan diri dari sudut

populariti dan pengiktirafan masyarakat yang seterusnya menuntut mereka membuat perubahan dalam pengurusan kehidupan mereka. Kajian ini membincangkan cabaran yang mereka hadapi dan perancangan jangka masa panjang sebagai pendakwah yang berjaya.

Kata kunci: Reality TV, hiburan Islam, realiti TV agama, pendakwah

Cite as: Muhamad Faisal bin Ashaari & Nabil Ahmad. 2022. [Title participants' views on achievements after participating in religious reality TV show] Pandangan peserta tentang pencapaian selepas menyertai program realiti TV agama di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(1): 62-75.

PENGENALAN

Program realiti televisyen (TV) di Malaysia telah mendapat tempat di hati masyarakat Malaysia bermula dengan Akademi Fantasia (AF) pada awal tahun 2003 (Zarina & Faisal, 2016). Fuziah Kartini (2004) berpandangan program realiti TV merupakan sebuah fenomena yang telah mengubah persepsi masyarakat. Anak muda boleh menjadi terkenal dan popular dalam masa yang singkat hanya berbekalkan bakat nyanyian dan tarian dengan sokongan dan undian daripada peminat dan penyokong mereka. Dalam masa yang singkat, mereka boleh terkenal sebaris dengan artis-artis tempatan yang terlebih dahulu mencipta nama di tanah air. Melihat keadaan ini, sebilangan penerbit mula melancarkan penerbitan program realiti TV melalui saluran masing-masing. Sebagai contoh, ASTRO menyiarkan rancangan Akademi Fantasia, 8TV dan TV3 pula menyiarkan rancangan Malaysian Idol. Kewujudan program realiti TV ini berkembang luas dan membawa kepada kewujudan program realiti TV agama. Kewujudannya direalisasikan untuk melahirkan pendakwah yang boleh dikedepankan sebaris dengan tokoh pendakwah yang terkenal.

Program realiti TV agama di Malaysia bermula dengan kemunculan penerbitan program Imam Muda pada tahun 2010 diikuti dengan program-program lain seperti Ustazah Pilihan, Pencetus Ummah, Daie Millenia dan Solehah. Ia merupakan suatu program realiti TV agama, namun secara lebih khusus ia merupakan suatu program yang disusun untuk melatih pendakwah secara intensif dan eksklusif dengan bantuan media perdana (Naemah Hanim Illani & Othman, 2019; Tengku Siti Aisha & Aini Maznina, 2018; Haryati, 2016). Ia mengambil contoh Akademi Fantasia yang melahirkan artis dan penyanyi, namun program ini melahirkan pendakwah yang tidak kekok berada di khalayak ramai. Program ini bermula dengan rancangan realiti TV Imam Muda pada tahun 2010 oleh Astro dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) (Ainurliza et al. 2012). Kemudian, jumlah program ini bertambah seperti Pencetus Ummah, Daie Millenia, Ustazah Pilihan dan Solehah yang setiap satunya mempunyai banyak musim. Jumlah keseluruhan peserta program ini mencecah lebih dari 100 orang yang sekaligus melahirkan ramai pendakwah secara bersistematik. Makalah ini membincangkan pandangan peserta tentang pencapaian dan cabaran selepas menyertai program realiti TV agama di Malaysia.

PROGRAM REALITI TV AGAMA

Program realiti TV agama mendapat sambutan yang memberangsangkan dari masyarakat sejak ia diperkenalkan pada tahun 2010. Rancangan Imam Muda merupakan program pertama realiti TV agama di Malaysia yang diterbitkan oleh Astro Oasis pada tahun 2010. Ia telah mendapat perhatian umum termasuk pihak Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) yang berminat untuk menjadi rakan kerjasama. Menurut Ainurliza et al. (2012), rancangan Imam Muda tidak sekadar menarik perhatian masyarakat tempatan malahan peringkat antarabangsa. Ia telah mendapat liputan banyak media antarabangsa seperti British Broadcasting Corporation (BBC), Agence France-Presse (AFP), Reuters, Cable News Network (CNN), al-Jazeera, The Wall Street Journal, The Straits Times, Singapura, Der Spiegel Magazine daripada Jerman dan International Herald Tribune, New York. Rentetan kemunculan Imam Muda, penerbitan program sebegini semakin rancak dan banyak muncul program baharu seperti Daie Millenia Alaf Baru terbitan TV3 dan Pencetus Ummah terbitan Astro Oasis pada tahun 2013. Seiring dengan pendekatan dakwah yang terbuka, program realiti TV ini juga tidak dikhususkan untuk lelaki sahaja bahkan terbuka kepada wanita. Beberapa rancangan seterusnya mengkhususkan untuk wanita seperti Ustazah Pilihan terbitan Astro Oasis dan Solehah terbitan TV Alhijrah pada tahun 2011. Berikut adalah senarai rancangan realiti TV agama di Malaysia.

Jadual 1: Rancangan Realiti TV Agama di Malaysia

Bil	Nama program	Penerbit	Tahun	Bilangan musim
1	Imam Muda	Astro Oasis	2010	3
2	Solehah	TV Al-Hijrah	2011	1
3	Ustazah Pilihan	Astro Oasis	2011	1
4	Pencetus Ummah	Astro Oasis	2015	3
5	Daie Millenia	TV3	2013	6

Sumber: Aini Maznina et al. 2013; Naemah Hanim Illani & Othman, 2019

Berdasarkan kepada Jadual 2 di atas, antara 2010 hingga 2015 terdapat 14 slot rancangan realiti TV agama yang telah dianjurkan dengan kerjasama stesen TV di Malaysia. Ini bererti sekurang-kurangnya 140 orang peserta yang telah lahir daripada program ini yang sekaligus melahirkan pendakwah yang tidak kekok untuk berada di khalayak ramai. Ini bertepatan dengan matlamat program ini untuk memberi latihan bagi mengasah bakat yang sedia ada pada peserta untuk berani tampil di khalayak dan boleh menyampaikan mesej keagamaan. Bentuk latihan dakwah ini bersesuaian dengan konteks masyarakat kontemporari yang mahu kepada penyampaian yang lebih santai, mudah difahami serta dihayati oleh para penonton (Ainurliza et al. 2012). Untuk tujuan berkenaan, para peserta dipusatkan di sebuah lokasi selama tiga bulan untuk berkampung sepanjang program ini berlangsung. Sepanjang tempoh tersebut, mereka diberikan pengisian ilmu dan dilengkapi dengan kemahiran khususnya kemahiran dakwah dan komunikasi untuk memberikan keyakinan kepada mereka berada di khalayak. Mereka diberikan tugas bagi setiap episod untuk dilaksanakan dan dipersembahkan dalam sesi siaran langsung program tersebut untuk menguji pencapaian

mereka. Dengan cara ini, ilmu yang mereka miliki digarap dan bakat mereka diasah secara intensif dalam masa yang singkat. Mereka yang berjaya menempatkan diri dalam finalis dalam setiap program dianggap telah berjaya kerana memperoleh peluang untuk mendapat latihan intensif yang mereka boleh kembangkan lagi kemahiran itu pada masa akan datang. Ini bermakna, kelahiran program realiti TV sebegini memberi peluang kepada golongan belia untuk mengasah bakat mereka dan menjadikannya sebagai platform dalam mencipta nama serta kejayaan.

Program realiti TV agama merupakan antara platform atau wadah dalam melatih, membimbing dan melahirkan pendakwah. Perkembangan dunia realiti TV agama dilihat memberi impak positif dalam melahirkan pendakwah yang dapat menggerakkan kegiatan dakwah di negara ini. Kebanyakan program realiti TV agama di Malaysia adalah berpanduan objektif yang sama iaitu melahirkan pemimpin atau pendakwah yang dapat mendidik masyarakat (Tengku Siti Aisha & Aini Maznina, 2018). Selain itu, program realiti TV agama juga merupakan salah satu platform dalam mengukur kemampuan peserta dalam menyampaikan dakwah. Mereka akan dinilai melalui uji bakat untuk melayakkan mereka dipilih untuk ke peringkat akhir, Sekiranya mereka dipilih ke peringkat akhir, mereka akan dinilai oleh juri-juri yang terlibat (Naemah Hanim Illani & Othman, 2019). Pencapaian mereka menerusi program ini diukur berdasarkan penilaian oleh juri yang terlibat. Setelah mereka tamat dan keluar daripada program, pencapaian mereka boleh dilihat dengan kemampuan mereka dalam menyampaikan dakwah secara realiti kepada masyarakat. Program realiti TV agama seharusnya dapat mencetuskan perubahan baru dalam diri peserta. Perubahan yang dialami peserta adalah salah satu aspek yang digunakan untuk mengukur sama ada objektif program realiti TV agama tercapai. Terdapat banyak cara dalam melihat perubahan peserta. Naemah Hanim Illani dan Othman (2019) menyatakan para peserta melaporkan pengisian dan latihan yang disediakan dalam program realiti TV agama membantu ke arah perkembangan diri yang lebih baik daripada sebelumnya. Selain itu, program realiti TV agama turut memberikan impak dalaman terhadap para peserta. Mereka akui kini lebih yakin dalam menyampaikan dakwah khususnya ketika membuat persembahan di pentas. Para peserta juga menyatakan persekitaran ilmiah yang dilalui sepanjang program ditambah dengan bantuan serta dorongan para murabbi dan asatizah yang terlibat dalam mendidik mereka dalam meningkatkan prestasi, memperbaiki serta meminimumkan kesilapan. Selain daripada perubahan dalaman, perubahan daripada aspek fizikal dan penjagaan imej turut ditekankan terhadap seluruh peserta program realiti TV agama. Penjagaan imej dan cara penampilan sangat penting dan berharga bagi seorang pendakwah. Izzaty Ulya Munirah & Zainab (2018) dalam mengulas hal ini menyatakan peri pentingnya menjaga penampilan luaran bagi pendakwah agar tampak kemas dan mudah didekati. Perkara ini penting dalam memastikan mesej dakwah menjadi lebih mudah untuk disampaikan.

Dengan ini, perkembangan dunia realiti TV agama boleh memberi impak positif dalam melahirkan pendakwah yang tidak kekok berada di khalayak ramai untuk menyampaikan agama. Kerancangan program ini hakikatnya disambut baik pelbagai lapisan masyarakat khususnya golongan belia bahkan sebahagian mereka berhasrat menjadi peserta program tersebut untuk membina keyakinan diri, mereka turut berani untuk diuji dalam melepasi beberapa tahap saringan sebelum berjaya dipilih menjadi peserta dalam mengikuti musim program tersebut.

Program sebegini secara amnya diakui mampu melahirkan pendakwah yang berkaliber di Malaysia serta mempersiapkan mereka sebagai pendakwah yang mampu mengulas isu-isu penting dalam masyarakat. Secara tidak langsung setelah mengikuti program ini, peserta terpaksa mengubah gaya hidup kerana mereka telah dikenali dalam masyarakat dalam masa yang singkat. Kata-kata mereka didengari dan pandangan mereka diberi perhatian. Sejajar dengan peranan yang penting dalam masyarakat, peserta seharusnya terdiri daripada mereka yang mempunyai latar belakang pendidikan yang melayakkan mereka bercakap dalam perkara agama. Masyarakat pula sering menjadikan kata-kata orang popular dan masuk TV sebagai pegangan. Oleh itu, pendidikan dalam bidang pengajian Islam perlu dijadikan syarat untuk menjadi peserta dalam program ini.

Namun, perjalanan hidup selepas menyertai program ini lagi mencabar kerana mereka perlu membawa watak seorang yang terkenal dalam agama. Dalam masa yang sama, mereka berada dalam dilema untuk membina kerjaya dan memulakan kehidupan selepas tamat belajar. Secara tiba-tiba mereka menjadi orang sibuk apabila banyak mendapat jemputan sebagai pengacara, penceramah, pengkuliah dan sebagainya. Ini memaksa mereka mempunyai pengurusan diri yang baik supaya masa dapat diuruskan dengan bijak dan jadual disusun dengan teratur. Oleh itu, sesetengah mereka mempunyai pembantu peribadi untuk memudahkan pengurusan ini. Yang lebih penting daripada itu ialah tentang perancangan masa depan mereka. Sekiranya mereka boleh menyesuaikan diri dengan cabaran dakwah, mereka boleh membina kerjaya dan urusan kehidupan meneruskan usaha dakwah. Ringkasnya, penyertaan dalam program realiti TV bukan sekadar suka-suka tetapi ia membawa suatu harapan dan tanggungjawab yang besar kepada agama.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif yang menggunakan temu bual sebagai metode untuk mendapatkan data. Ini bersesuaian dengan objektif kajian ini untuk mendapatkan pandangan peserta tentang pencapaian dan cabaran selepas menyertai program realiti TV agama di Malaysia. Informan dipilih secara bertujuan daripada peserta program realiti TV agama di Malaysia. Pemilihan dibuat daripada lima program realiti TV yang berbeza iaitu Imam Muda Pencetus Ummah, Daie, Ustazah Pilihan dan Solehah yang setiap satunya dipilih dua orang informan. Temu bual dilakukan kepada 10 orang informan yang terpilih 21 Mac 2019 hingga 22 Februari 2020 dan perincian latar belakang mereka seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 2: Latar belakang informan

Bil.	Jantina	Nama Program Realiti TV	Pencapaian Akademik Tertinggi	Bidang Pengajian
1	Lelaki	Imam Muda	Sarjana	Syariah
2	Lelaki	Imam Muda	Diploma	Al-Quran
3	Lelaki	Pencetus Ummah	Ijazah Sarjana muda	Syariah
4	Lelaki	Pencetus Ummah	Ijazah Sarjana muda	Fiqh Usul

5	Lelaki	Daie	Ijazah Sarjana muda	Kaunseling
6	Perempuan	Daie	Ijazah Sarjana muda	Psikologi
7	Perempuan	Ustazah Pilihan	Ijazah Sarjana muda	Syariah
8	Perempuan	Ustazah Pilihan	Ijazah Sarjana muda	Syariah
9	Perempuan	Solehah	Ijazah Sarjana muda	Qiraat
10	Perempuan	Solehah	Ijazah Sarjana muda	Usuluddin

Sumber: Temu Bual Kajian 2020

Jadual 2 menunjukkan taburan informan kajian yang seimbang berdasarkan jantina. Lapan daripada mereka mempunyai kelulusan sekurang-kurang diploma dalam bidang pengajian Islam, manakala dua orang lagi daripada bidang kaunseling dan psikologi. Ini menunjukkan informan mempunyai kelayakan pendidikan dan tahap pemikiran yang baik untuk diangkat sebagai pendakwah sekali gus sebagai selebriti agama. Analisis dilakukan mengikut tema yang ditetapkan iaitu perubahan sendiri, kelayakan dan pengiktirafan dalam menyampaikan kuliah agama, pelantikan pembantu peribadi, perancangan masa depan peserta, dan cabaran penglibatan aktif dalam dakwah. Terdapat lima konstruk telah dikenal pasti berkaitan pandangan terhadap pencapaian hasil penyertaan program realiti TV agama di Malaysia iaitu: perubahan sendiri, pengiktirafan dalam menyampaikan ilmu agama, pembantu urusan peribadi, masa depan dan cabaran.

DAPATAN

Berikut adalah dapatan dan penjelasan kepada setiap satu konstruk:

Perubahan sendiri

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, peserta kajian menyatakan beberapa perubahan selepas menyertai program realiti TV agama. Perubahan sendiri ini dapat dilihat daripada tiga sudut.

a. Populariti

Temubual mendapati bahawa mereka lebih dikenali oleh masyarakat awam kerana sering muncul di kaca TV khususnya dalam tempoh program ini dijalankan. Informan (#9) merasa lebih diraikan dan mendapat sambutan yang lebih besar (Informan (#9 & #10) selepas menyertai dalam program realiti TV. Pelbagai publisiti yang dibuat untuk menjayakan program berkenaan yang secara tidak langsung menaikkan nama mereka dan masyarakat telah menerima baik personaliti mereka. Hasil dari itu, kehadiran mereka dalam majlis umum lebih diraikan dan disapa ketika bertemu di tempat awam. Menurut Tengku Siti Aisha & Aini Maznina (2018), masyarakat lebih suka dan yakin kepada pendakwah yang muncul di kaca Televisyen kerana dilihat mempunyai kepakaran dan kelebihan tertentu yang membawa mereka dipilih untuk muncul di kaca TV.

b. Keyakinan diri

Antara perubahan yang dirasakan adalah perubahan mengenai keyakinan dan kekuatan diri. Menurut Informan#1 dan #3, keyakinan diri terbentuk hasil daripada rasa dihargai dalam masyarakat dan berasa lebih matang. Mereka berasa mempunyai keyakinan diri untuk berada di khalayak dan tidak rasa takut untuk memberi pandangan. Pergaulan semakin meluas dan kenalan semakin ramai terutamanya dengan tokoh-tokoh terbilang yang dianggap sebagai murabbi atau guru yang membimbing peserta sepanjang program. Ia juga dapat dilihat daripada pergaulan sesama peserta yang saling memberikan motivasi antara satu sama lain. Keberadaan dalam kalangan mereka yang hebat mengajar cara mengurus diri dan menyusun masa dengan baik. Informan menyatakan:

Kekuatan saya dapat, orang hebat, *circle* yang positif, masa yang padat dan bermanfaat (Informan #1).

Beza, lebih yakin berbanding sebelum dengan didikan murabbi yang selalu mengingatkan dan mengajarkan keyakinan (Informan #3).

Informan #6 dan #8 menjelaskan bahawa penyertaan dalam program ini membantu memberi keyakinan untuk berada dalam lapangan dakwah. Ia turut mencambahkan minat dan kemahuan untuk menyertai aktiviti dakwah di lapangan khususnya dalam dakwah di kawasan pedalaman dan menyantuni orang kurang upaya. Sepanjang program, mereka juga didedahkan dengan program di lapangan yang secara tidak langsung mengajar dan mendedahkan cara dakwah kepada pelbagai golongan. Mereka menyatakan,

Ada nama (*title*) dan selepas program Imam Muda tu saya terbuka nak buat dakwah pedalaman. Alhamdulillah, *tak* ada benda lain *dah*, nak buat dakwah (Informan #6).

Antara kelainan yang saya dapat selepas program ni, saya dapat menyantuni anak-anak kurang upaya dan masyarakat non-Muslim secara *direct*, golongan pedalaman dan buat kerja kebajikan (Informan #8).

Perubahan keyakinan diri peserta merupakan satu aspek yang sangat penting dalam pembentukan nilai diri pendakwah. Menurut Rosli (2015), peserta realiti TV agama atau pendakwah yang muncul di kaca Televisyen ini haruslah mempunyai karakter yang menarik dan dipercayai oleh orang ramai. Karakter seperti mempunyai ilmu pengetahuan yang luas, pengalaman dakwah yang banyak, senang didekati sangat penting dalam membentuk karakter seorang pendakwah. Karakter seperti ini adalah hasil daripada pembentukan nilai pada diri seorang pendakwah. Naemah Hanim Illani dan Othman (2019) menyifatkan pentas dakwah realiti TV ini sebagai medan latihan dan menyediakan peserta dengan pelbagai pengisian membentuk diri para peserta sebagai pendakwah. Sepanjang berada dalam program latihan realiti TV, para peserta perlu mempunyai ketahanan diri yang kuat dan kesihatan yang baik kerana aktiviti yang dilakukan memerlukan peserta untuk berada dalam keadaan fizikal dan mental yang baik kerana aktiviti yang diadakan bukan hanya tertumpu pada persembahan pentas televisyen. Mereka juga terlibat dengan tanggungjawab sosial dengan masyarakat seperti menyantuni golongan muda untuk berdakwah.

c. Perubahan penampilan

Sepanjang program, mereka telah ditekankan kepada aspek imej dan identiti kerana ia membentuk personaliti pendakwah. Ia melibatkan cara berpakaian dan penampilan diri kerana menjadi seorang yang terkenal khususnya sebagai ahli agama perlu mempunyai cara penampilan yang tertentu. Lebih daripada itu, sesuatu penampilan itu mestilah disesuaikan dengan masa dan keadaan. Menurut Informan #4 dan #9, perubahan ini sangat ketara antara sebelum dan selepas menyertai program ini. Perubahan fizikal atau imej adalah satu perkara yang perlu dititikberatkan dalam dunia dakwah. Imej seorang pendakwah perlu kemas dan sesuai dengan sasaran dakwah supaya pendakwah mudah mendekati atau didekati oleh sasaran dakwah. Aspek luaran iaitu imej pendakwah merupakan lambang kepada nilai diri para peserta. Wan Nor Adila (2011) dan Md Rozalafri et al. (2014) ada menyatakan berkenaan penampilan, personaliti, pemakaian, bentuk penyampaian dan juga persembahan yang sesuai dengan apa yang digariskan adalah lambang kepada nilai yang dibawa oleh para peserta. Izzaty Ulya Munirah & Zainab (2018) menegaskan sangat mustahak bagi pendakwah untuk menjaga penampilan luaran mereka agar tampak kemas dan mudah didekati. Program realiti TV agama turut menekankan aspek ini kepada peserta yang menyertai program tersebut.

Ringkasnya, terdapat impak positif jelas terhadap diri sebelum dan selepas tamat program realiti TV. Populariti, perubahan dalaman sendiri dan perubahan fizikal merupakan tiga aspek perubahan positif yang perlu ada pada seseorang. Perubahan ini dapat difatorkan sebagai satu pencapaian kerana ia dapat merubah peserta ke arah yang lebih baik.

d. Kelayakan dan pengiktirafan dalam menyampaikan kuliah agama

Dalam usaha mengawal agama daripada penyebaran fahaman yang tidak sepatutnya, pihak berkuasa agama mempunyai sistem kawalan yang dinamakan dengan tauliah. Daripada sudut kelayakan untuk mengajar, semua orang yang mempunyai pengetahuan agama khususnya mereka yang mendapat pendidikan agama secara formal boleh menyampaikan kuliah agama untuk umum. Namun, untuk tujuan kawalan Majlis / Jabatan Agama mengeluarkan dan memberikan kebenaran kepada seseorang yang ingin menyampaikan pengajaran agama yang disebut sebagai tauliah. Ia merupakan kebenaran mengajar yang diberikan oleh badan berautoriti di dalam sesebuah negeri seperti Majlis Agama Islam atau Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Menurut Muhammad Helmi dan Mohammad Husni (2016), tauliah sangat penting kerana ia adalah lambang kredibiliti seseorang pendakwah. Justeru, pendakwah yang mempunyai tauliah menunjukkan mereka mempunyai kredibiliti dalam menyampaikan dakwah. Ia juga memberi keyakinan kepada masyarakat bahawa pendakwah tersebut mempunyai manhaj yang jelas dan tidak bertentangan dengan mazhab pegangan masyarakat.

Penyertaan dalam program realiti TV agama bukanlah syarat kelayakan mendapat tauliah kerana setiap mereka dikehendaki mengikuti proses permohonan seperti biasa. Walau bagaimanapun, mungkin ada sedikit kelebihan dipercepatkan proses permohonan memandangkan mereka sering dipanggil untuk memberi ceramah agama. Sebahagian informan sudah mempunyai tauliah sebelum menyertai program realiti TV agama seperti Informan #2. Walau bagaimanapun, majoriti daripada mereka seperti Informan #8 dan #9 hanya memohon tauliah selepas selesai mengikuti program tersebut. Walau bagaimanapun, mereka ada

mencadangkan supaya peserta program ini diberikan tauliah secara automatik dan tauliah yang boleh digunakan di seluruh negara.

e. Pelantikan pembantu peribadi

Peserta program realiti TV agama kebiasaannya mendapat jemputan yang banyak untuk menyampaikan ceramah, kuliah dan sebagainya. Untuk menguruskan jemputan dan memastikan kelancarannya, ada keperluan untuk mempunyai pembantu peribadi (*personal assistant* - PA). Mereka berperanan untuk menyusun jadual, menguruskan program dan membantu melicinkan perjalanan seseorang pendakwah. Ketiadaan pengurus yang membuat catatan boleh mengganggu kelancaran program apabila wujud pertembungan dan pengulangan. Informan #4, #6 dan #9 berpandangan memang ada keperluan untuk melantik PA bagi seorang pendakwah. Ada sebahagian mereka melantik PA dalam kalangan keluarga sendiri seperti Informan #1 dan #2. Walau bagaimanapun, terdapat informan yang tidak melantik PA namun menggunakan khidmat ahli keluarga seperti abang (Informan #1) dan isteri (Informan #2) dalam membantu menguruskan jemputan dan program. Bagi Informan #5 dan #7, mereka tidak menggunakan khidmat pembantu peribadi dan menguruskan kerjaya mereka secara persendirian. Informan #5 menyatakan keperluan mempunyai pembantu peribadi adalah bergantung kepada keperluan dan keselesaan seseorang individu.

Dapatan temubual mendapati tidak semua informan menggunakan pembantu peribadi untuk menguruskan hal ehwal dakwah mereka. Ia bergantung kepada keperluan dan kemahuan pendakwah itu sendiri. Pelbagai faktor dapat diambil kira berdasarkan respons informan. Kebanyakan mereka bersetuju keperluan mengambil PA adalah atas dasar untuk menyelaraskan jadual bagi memastikan sesebuah program tidak bertindih dan usaha dakwah dapat dijalankan secara efisien. Ia juga melibatkan kemahiran untuk menguruskan hal tersebut termasuklah isu maklumat peribadi dan kemampuan kewangan. Maka, persoalan pelantikan PA perlu difikirkan sebaiknya oleh pendakwah kerana ia melibatkan pelbagai aspek seperti kemahiran mengurus, komunikasi bahkan pengurusan data peribadi mereka. Justeru, pemilikan dan pelantikan PA adalah bergantung kepada keperluan pendakwah itu dalam menguruskan aktiviti dakwah mereka.

Pengurusan dan perancangan dakwah amat penting kerana tugas dakwah adalah tugas yang tiada kesudahan (Mohamad Nazli, 2016). Pengurusan dakwah sangat penting untuk memastikan proses dakwah disampaikan dengan sistematik dan sempurna. Hal ini dapat diandaikan sebagai faktor utama mengapa kebanyakan pendakwah yang menyertai program realiti TV agama semakin tidak kelihatan selepas program tersebut tamat. Secara kesimpulannya, pengurusan dakwah adalah bergantung kepada individu itu sendiri. Pembantu peribadi adalah salah satu aspek dalam memastikan pengurusan dakwah berjalan dengan lancar. Dengan kesibukan urusan dakwah, para peserta rancangan realiti TV agama ini melihat pengurusan dakwah daripada sudut memiliki pembantu peribadi dalam membantu menguruskan urusan dan jadual dakwah mereka.

f. Perancangan masa depan peserta

Program realiti TV agama merupakan suatu rancangan yang melatih pendakwah secara intensif dan eksklusif. Tiada bezanya dengan pusat latihan dakwah yang lain melainkan daripada sudut publisiti dan penyertaan dilakukan secara saringan yang tertentu. Justeru, matlamat akhir yang ingin dihasilkan oleh latihan seperti ini bukan sekadar bilangan peserta yang dihasilkan tetapi perancangan masa depan mereka untuk dakwah. Oleh sebab rancangan ini bersifat popular, informan mengakui bahawa gelaran seperti Imam Muda, Pencetus Ummah, Daie dan Ustazah Pilihan tidak akan bertahan lama. Masyarakat akan menilai kerja buat mereka selepas daripada itu tetapi gelaran itu boleh menjadi *market value* yang boleh melonjakkan mereka jika disusuli dengan perancangan yang rapi. Mereka memerlukan kepada perancangan tersendiri untuk memastikan kelangsungan masa depan mereka daripada sudut kerjaya dan dakwah. Kebanyakan mereka merancang untuk menceburi bidang perniagaan kerana gelaran yang diperoleh daripada program realiti TV agama menyebabkan mereka dikenali ramai dan sedikit sebanyak boleh membantu perniagaan. Ada dalam kalangan mereka yang ingin membuka travel agen (Informan #2, #4) konsultan bimbingan dan ceramah agama (Informan #4 dan 9#), membuka tahfiz (Informan #5). Selain itu, bagi sesetengah informan yang sudah berkerjaya, mereka memilih untuk fokus dengan kerjaya masing-masing seperti sebagai mutawwif (Informan #6), pengacara TV (Informan #7), mempunyai syarikat sendiri dan mengajar al-Qur'an (Informan #6), perunding imej Muslimah (Informan #8).

Ini bererti kebanyakan informan mahu menjadi usahawan yang berjaya dan sekaligus pendakwah. Ia merupakan suatu kejayaan kepada program ini yang menanamkan dalam diri perasaan ingin menyumbang kepada Islam. Gelaran yang diperoleh daripada program ini merupakan suatu pengiktirafan dan nilai yang perlu untuk digunakan bukan sekadar untuk dakwah tetapi untuk membina kerjaya dan masa depan mereka. Populariti mereka tidak bertahan lama jika tidak disusuli dengan perancangan yang baik. Walau bagaimanapun, informan #8 lebih selesa untuk tidak mengaitkan diri dengan program realiti TV yang disertai. Bagi informan ini, penyampaian dakwah tidak bergantung kepada program realiti TV agama sahaja kerana gelaran ini lebih kepada publisiti awal dan batu loncatan untuk objektif jangka masa panjang beliau. Beliau kelihatan yakin dengan pembawaan diri sebagai pendakwah tanpa menggunakan *title* peserta program realiti TV agama.

Menurut Tengku Siti Aisha dan Aini Maznina (2018), masyarakat Malaysia lebih berminat dengan pendakwah yang mempunyai keterlibatan dengan media terutama TV. Ia dianggap sebagai satu pencapaian bagi seorang peserta rancangan realiti TV. Informan berpendapat bahawa mereka perlu mempunyai perancangan jangka masa panjang. Perkara ini bertepatan dengan apa yang disebut oleh Mohamad Nazli (2016) dan Naemah Hanim Illani dan Othman (2019) mengulas tentang kepentingan merancang aktiviti dakwah secara meluas dalam tempoh jangka masa panjang. Perancangan aktiviti dakwah untuk jangka masa panjang sangat penting untuk memastikan kelangsungan dan keluasan dakwah dapat diteruskan.

f. Cabaran penglibatan aktif dalam dakwah

Program realiti TV ini menyediakan suatu latihan yang intensif untuk menyampaikan dakwah dengan berkesan. Sewaktu program, mereka diberi tempat di dalam TV untuk muncul secara

mingguan dan dipanggil secara berkala. Namun, selepas daripada program, mereka perlu bergerak sendiri dan tidak semua peserta program terus aktif dalam dakwah ini kerana ada cabaran tertentu. Peserta yang mempunyai latar belakang pengajian Islam dan terlibat aktif dengan dakwah sebelum menyertai program realiti TV. Peserta kategori ini tidak mempunyai masalah besar untuk meneruskan penglibatannya dalam arena dakwah kerana ia telah berkecimpung secara aktif. Mereka boleh mengurus kerjaya, pendapatan dan kehidupan sendiri. Malah, program tersebut merupakan medan latihan, pengalaman dan batu loncatan untuk meneruskan lagi usaha dakwah mereka. Manakala, bagi mereka yang baru berkecimpung dalam bidang dakwah, terdapat tiga cabaran utama:

g. Cabaran Pelajaran

Banyak peserta menyertai program realiti TV agama ketika mereka masih dalam tempoh pengajian. Kesibukan dan komitmen dalam pelajaran menjadi antara faktor utama mereka tidak dapat aktif sepenuh masa dan terpaksa menolak jemputan terutamanya apabila bertembung dengan kelas dan peperiksaan. Bagi informan #1, mereka seharusnya bersedia dan membuat pembahagian masa yang baik dalam memenuhi jemputan. Sekiranya mereka tidak mampu membawa watak pendakwah, syarat pemilihan peserta pada masa akan datang perlu diambil daripada mereka yang telah tamat pelajaran. Beliau menjelaskan Dai kena proaktif. Tolak jemputan kemungkinan susah nak dapat lagi. Kena pandai bahagi masa. Cuba untuk terima, untuk kita *improve* dan sebagai medan latihan (Informan #1).

Komitmen kepada pelajaran merupakan keutamaan yang perlu diberikan perhatian. Ia perlu diselesaikan dalam jangka masa yang tertentu manakala penglibatan dalam dakwah sangat panjang. Oleh sebab itu, pra-syarat ini perlu diambil kira dalam pemilihan peserta program realiti TV agama akan datang.

h. Cabaran membina kerjaya

Kebanyakan peserta berusia yang menyertai program realiti TV berusia antara 20 hingga 30 tahun iaitu mereka yang berada pada tahap awal untuk menapak dalam membina kerjaya. Seperti rakan-rakan yang lain dalam usia ini, mereka mencari-cari arah untuk membentuk hala tuju hidup mereka. Kelebihan mereka ialah dikenali ramai yang diraih dalam program ini cuma cabaran mereka untuk menggalas tugas dakwah dan dalam masa yang sama perlu untuk membina kehidupan dan kerjaya. Ruang dakwah terbuka luas kepada mereka dan ada yang berkecimpung langsung sepenuh masa dalam dakwah. Namun ramai yang meneruskan bidang asalnya (Informan #5) dan menyampaikan dakwah atas kerjaya masing-masing termasuklah membuat perniagaan (Informan #8). Situasi di atas memberikan gambaran penyertaan dalam program realiti TV agama adalah untuk menimba pengalaman baharu yang mengasah kemahiran dalam menjalankan dakwah dengan bidang masing-masing.

i. Cabaran dakwah

Bagi seorang yang baharu berkecimpung dalam dakwah, terdapat banyak cabaran yang perlu dilalui. Mereka turut bersaing dengan para pendakwah yang telah lama dan berpengalaman

dalam bidang dakwah yang tentunya ia mempunyai cabaran yang hebat. Oleh itu, tidak ramai yang timbul dalam lapangan dakwah sepenuh masa biarpun ramai peserta yang menyertai program ini. Menurut Informan #3 dan #10, masalah ini timbul kerana mereka tidak didedahkan dengan perancangan masa depan atau apa-apa modul khas untuk mengikuti perkembangan mereka selepas tamat program. Bagi Informan #2, #4 dan #6, lambakan peserta program realiti TV agama turut menjadi faktor kepada kurang penglibatan aktif selepas tamat program realiti TV agama. Begitu juga, sesetengah peserta yang diambil untuk menjadi pengacara dan pengendali kepada sesebuah rancangan TV bergantung kepada penerbit rancangan berkenaan (Informan #1 dan #9). Mungkin dia ada kelebihan atau tarikan tertentu yang menyebabkan ia dipilih oleh penerbit daripada ramai peserta yang lain.

Ringkasnya, kebanyakan mereka menceburi bidang pilihan masing-masing seperti pendidikan, pengurusan mahupun perniagaan. Ramai mereka memilih untuk menyampaikan dakwah dan aktif menerusi bidang masing-masing dan menjadikannya sebagai wasilah untuk berdakwah. Naemah Hanim Ilani dan Othman (2019) berpandangan pendakwah program realiti TV agama seharusnya mempunyai matlamat untuk terus menyampaikan dakwah dalam pelbagai aspek, bidang dan tempat bukan hanya berfokus kepada penyediaan di atas pentas. Menurut Muhammad Su'ud Zhariff (2014), peserta program realiti TV agama tidak seharusnya fokus kepada persediaan persembahan di pentas seolah-olah segala ilmu, kemahiran dan latihan bermatlamatkan pertandingan. Hala tuju pasca program realiti TV agama hakikatnya bergantung kepada bagaimana peserta merancang dan menyusun kehidupan sendiri dan penglibatan mereka dalam dunia dakwah. Peserta haruslah sentiasa memperbaiki diri, mempunyai perancangan yang lebih luas dan hala tuju yang lebih jelas dalam berhadapan dengan dunia dakwah yang kontemporari kerana tugas dakwah adalah tugas sepanjang zaman kerana manusia diciptakan sebagai khalifah di muka bumi.

Secara keseluruhannya, peserta yang mempunyai latar belakang dan kerjaya pendakwah daripada awal tidak mempunyai masalah untuk meneruskan penglibatan dalam arena dakwah dengan menjadikan program tersebut sebagai medan latihan, pengalaman dan batu loncatan untuk kerjaya dakwah mereka. Bagi yang berlatar belakangkan pelajar, penglibatan yang rendah adalah berpunca daripada kekangan masa dan kesukaran untuk menyelaraskan usaha dakwah di sekeliling pengajian mereka. Tidak kurang juga yang menjadikan program realiti TV dakwah sebagai platform untuk mencipta nama sekaligus memudahkan mereka untuk menceburi bidang masing-masing di samping meneruskan usaha dakwah. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan kelangsungan mereka dalam arena dakwah amat berkait rapat dengan pendedahan yang diberikan termasuklah persediaan dalam merancang masa depan selepas tamatnya program.

KESIMPULAN

Menjadi peserta kepada program realiti TV merupakan suatu pengalaman yang indah malahan ia menjadi suatu ruang latihan kepada peserta untuk mengasah bakat masing-masing untuk berada di hadapan orang ramai. Realiti TV bukan sekadar untuk menampilkan tokoh pidato dan pengacara yang petah berbicara tetapi lebih daripada itu ialah untuk melahirkan pendakwah yang dapat berbakti kepada Islam untuk menyampaikan mesej Islam kepada masyarakat. Menjadi pendakwah bukanlah suatu tugas yang mudah kerana mereka terpaksa mengubah imej

dan penampilan diri sejajar dengan tuntutan dan tanggungjawab dakwah yang berat. Dalam masa yang sama mereka yang rata-ratanya berusia awal 20an berada dalam zaman yang kritikal dalam membentuk masa depan. Mungkin mereka boleh menjadikan kerjaya mereka dalam bidang selari dengan dakwah ataupun membina kerjaya dan meletakkan dakwah di atasnya. Populariti yang diraih daripada penyertaan ini boleh memberikan sedikit nilai kepada diri mereka namun ia tidak bertahan lama kerana ia bergantung kepada cara mereka membina potensi diri dalam masyarakat selepas itu.

Bagi mereka yang telah berada dalam lapangan dakwah sebelum menyertai program ini, mereka tidak kekok untuk berada bersama masyarakat. Namun bagi mereka yang baru berkecimpung dalam dakwah, ia mungkin suatu cabaran bagi mereka untuk menyesuaikan diri dengan tuntutan dakwah. Dilema antara tuntutan dakwah dan kerjaya perlu diuruskan dengan baik dan seimbang. Oleh sebab itu, penyertaan daripada mereka yang mempunyai latar belakang agama sangat penting untuk menjadikan menaikkan personaliti dalam bidang dakwah.

Penghargaan

Penghargaan kepada Dana Pecutan Penerbitan UKM (PP-FPI-2022) yang membiayai penerbitan makalah ini.

RUJUKAN

- Aini Maznina Abdul Manaf, Saodah Wok, Rizalawati Ismail, Siti Sakinah Abdul Latif. (2013). The acceptance of TV Islamic reality shows by the Malay community. *Ulum Islamiyyah Journal* 10: 93-116.
- Ainurliza Mat Rahim, Mohd Azmir Mohd Nizah, Norazirawati Ahmad & Nur Kareelawati Abd Karim. (2012). Imam Muda Reality Show: An analysis of non-verbal communication of young imam. *Social Science* 43: 6898-6904.
- Fuziah Kartini, H.B. (2004). Akademi Fantasia: Dimensi Baru Budaya Popular di Malaysia. Penyertaan dalam Komunikasi - Hak, Bentuk dan Dasar. Bangi: Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Haryati Karim. (2016). Audience reception of reality TV show 'Imam Muda': Contradictions and contested religious identities among young Malaysian Muslims. *Jurnal Kinabalu* 19: 185-204.
- Izzaty Ulya Munirah Abd Aziz & Zainab Ismail. (2018). Trait personaliti pendakwah Muslim: Satu sorotan literatur. *al-Hikmah* 10(1): 34-54.
- Md Rozalafri Johori, Megat Al-Imran Yasin, Nor Azura Adzharuddin, Rosya Izyanie Shamshudeen & Wawarah Saidpuddin. (2014). Kualiti rancangan televisyen (TV) Islamik: Suatu refleksi. *Proceeding International Research Management and Information*, hlm. 1-11.
- Mohamad Nazli Omar. (2016). Teori dan konsep pengurusan dakwah: Satu tinjauan awal. *Jurnal Ilmi* 6: 149-168.
- Muhammad Helmi bin Jalil, Mohammad Husni bin Ali@ Buraidah. (2016). Menilai isi kandungan ceramah: kajian kes penceramah yang ditauliahkan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). *Jurnal Reflektika* 12(12): 1-13.

- Muhammad Su'ud Zhariff Zaharin. (2014). Realiti TV: Da'i - Pendakwah Milenia permodenan imej dakwah Islam. Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia.
- Naemah Hanim Illani Mat Said & Othman Ab. Rahman. (2019). Da'i Milenia: Peranan program realiti televisyen dalam membentuk pendakwah muda. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)* 4(19): 167-175.
- Norhazlina Hasan Adli. (2017). Pandangan masyarakat terhadap pembentukan pendakwah menerusi program realiti TV. Tesis Sarjanamuda, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rosli Mohammed. (2015). The impact of character branding through media: A case study of TV al-Hijrah's Ustaz celebrity programme. *Journal of Islamic Research* 9(2): 88-105.
- Tengku Siti Aisha Tengku Mohd Azzman Shariffadeen & Aini Maznina A. Manaf. (2018). Pengaruh keagamaan terhadap penggunaan Twitter dan tontonan program realiti Islamik di kalangan pelajar universiti di Malaysia. *Journal of Islam in Asia* 15(3): 356-382. DOI: <https://doi.org/10.31436/jia.v15i3.709>
- Wan Nor Adila Wan Hamzah. (2011). Rancangan realiti TV Islam di Malaysia: Perlaksanaan di Astro melalui rancangan Imam Muda. Tesis Sarjana Muda. Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zarina Zawawi & Faisal Ibrahim. (2016). Debating Asian values: A case study of Malaysian reality TV shows. *SEGi Review* 3(1): 34-44.